



Ruj. Tuan : 100-CK (DIGIT360/INEX 12/2/1)
Ruj. Kami : JPNJ.600-3/2/17 Jld. 27 (55)
Tarikh : 3 Jun 2026

Pengarah INEX26

Digit360 Sdn. Bhd.,
PT 6404, Lot 16449,
Tingkat 2, Blok H – Harmoni Square,
17500 Tanah Merah,
Kelantan.

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN
PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM *INTERNATIONAL INNOVATION AND
ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26) 1ST EDITION***

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) telah menerima dan meneliti permohonan sokongan penganjuran dan kebenaran menjemput murid bagi program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPN Johor mengalu-alukan inisiatif semua pihak termasuk agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum dan sukan di negeri ini.

2. Sehubungan dengan itu, pihak JPN Johor mengambil maklum akan permohonan pihak tuan dan **tiada halangan** untuk **Digit360 Sdn. Bhd.** menjemput murid bagi program di atas seperti ketetapan yang berikut:

- 2.1 Tarikh : 1 Jun hingga 25 Oktober 2026
2.2 Kaedah : Secara dalam talian

3. Untuk makluman tuan, surat maklum balas ini tertakluk kepada semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa (Lampiran D) termasuk perkara-perkara yang berikut:

- 3.1 semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar bagi menyertai program ini. **Peranan pihak sekolah terhad dalam mempertimbangkan memberi kebenaran pelepasan tugas guru dan pelepasan belajar murid sahaja;**
- 3.2 murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini dan penyertaan murid perlu mendapat **kebenaran bertulis** dari ibu bapa/penjaga;
- 3.3 **tiada implikasi kewangan** kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor, sekolah, guru dan murid yang terlibat (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 bertarikh 7 Jun 2018) dan tidak membebankan ibu bapa/penjaga;

MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM *INTERNATIONAL INNOVATION AND ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26) 1ST EDITION*

- 3.4 kutipan yuran penyertaan adalah tertakluk kepada ketetapan dalam surat JPNJ.600-9/18/2 Jld. 4 (18) bertarikh 12 Jun 2025. Selain itu, **tiada implikasi kewangan** kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor, sekolah, guru dan murid yang terlibat (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 bertarikh 7 Jun 2018) dan tidak membebankan ibu bapa/penjaga;
- 3.5 penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), peperiksaan, aktiviti kokurikulum dan aktiviti sekolah;
- 3.6 tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2005 dan Surat Siaran KPM Bil. 2 Tahun 2016 berkaitan pelaksanaan bekerja lima hari seminggu, **pelibatan murid di bawah tanggungjawab ibu bapa/penjaga**;
- 3.7 jika terdapat guru menggunakan kenderaan sendiri untuk membawa murid ke program ini, pengetua/guru besar dipohon untuk memastikan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2019 dipatuhi bagi menjamin kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid dan guru yang terlibat;
- 3.8 pihak tuan bertanggungjawab mematuhi ketetapan dalam Surat Siaran KPM Bil. 3 Tahun 2023 - Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas;
- 3.9 tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 bertarikh 7 Jun 2018 yang menetapkan bahawa tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, sekolah, guru dan murid yang terlibat, **pelibatan murid di bawah tanggungjawab ibu bapa/penjaga**;
- 3.10 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan. Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.11 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid dan guru yang terlibat dengan program ini, di samping bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN
PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM *INTERNATIONAL INNOVATION AND
ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26) 1ST EDITION***

- 3.12 pihak penganjur diminta untuk mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3 Tahun 2018 yang antaranya menetapkan bahawa sebarang sumbangan yang diterima bagi penganjuran program tidak melibatkan hasil aktiviti perjudian, rokok, dadah, minuman keras dan seumpamanya yang boleh menjejaskan perkembangan potensi murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani;
- 3.13 **penggunaan logo JPN Johor tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan.** Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Johor atau MSSJ dalam tempoh tidak kurang 30 hari sebelum program berserta dokumen lengkap kepada Sektor Pengurusan Sekolah, JPN Johor, selepas mendapatkan maklum balas permohonan penganjuran program ini;
- 3.14 bagi **tujuan pengiktirafan** program (PAJSK), pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan laporan program (Lampiran A) yang dijalankan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor tidak lebih 30 hari **selepas tamat program** (rujuk Lampiran C). **Kegagalan membuat permohonan pengiktirafan bagi program ini akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang;**
- 3.15 pihak penganjur juga diminta untuk memaklumkan kepada sekolah-sekolah yang menyertai program ini untuk membuat pengisian ke dalam Buku Log BSKK (Pelaporan Kecemerlangan Kokurikulum) menerusi <https://bit.ly/PelaporanBSKK>;
- 3.16 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B) kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.17 JPN Johor berhak menarik balik surat maklum balas ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. **Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.**

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN
PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM *INTERNATIONAL INNOVATION AND
ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26) 1ST EDITION***

4. Maklum balas ini hanya untuk **Digit360 Sdn. Bhd.** bagi kelulusan penganjuran dan kebenaran menjemput murid bagi program di atas sahaja. Sebarang kebenaran program baharu dan perubahan tarikh serta tempat program hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor.

5. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan **Encik Mohd Faizal bin Sabtu**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2311493** atau menerusi e-mel **faizal.sabtu@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. : 1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
2. Timbalan Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah, JPN Johor

PAUTAN LAMPIRAN A – F : SURAT KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM

Pautan: <https://bit.ly/LampiranKelulusanProgram>



Adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk memastikan semua ketetapan yang dinyatakan dalam surat maklum balas dan lampiran-lampiran seperti dalam pautan ini dipatuhi sepenuhnya.

LAMPIRAN 2

SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI (BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN)

RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN

Penyertaan Bersemuka (Kekal)		Penyertaan Secara Dalam Talian	
Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)	Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)
Antarabangsa	3 Negara	Antarabangsa	5 Negara
Kebangsaan	3 Negeri	Kebangsaan	5 Negeri
Negeri	4 Daerah	Negeri	5 Daerah
Daerah	5 Sekolah	Daerah	6 Sekolah

TAFSIRAN PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
Pelibatan I	<ul style="list-style-type: none"> i. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
Pelibatan II	<ul style="list-style-type: none"> i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
Pelibatan III	<ul style="list-style-type: none"> i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton



DIGIT360 SDN BHD 1477803-X

UiTM Startup Company

"Driving Innovation Forwards"

Rujukan : 100-CK (DIGIT360/INEX 12/2/1)
Tarikh : 21 Mei 2026

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bharu
Johor Darul Takzim

YBhg. Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN INTERNATIONAL INNOVATION AND ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26) 1st EDITION

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak kami, Qaiwan International University, Sulaymaniyah, Kurdistan Region, Iraq dengan DIGIT360, syarikat pemula yang berdaftar dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Fakulti Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan akan menganjurkan satu program berbentuk inovasi secara atas talian seperti butiran tertera:

Nama Pertandingan : International Innovation And Entrepreneurship Expo (INEX26)
Tarikh Pertandingan : 01 Jun 2026 - 25 Oktober 2026

3. Untuk pengetahuan pihak YBhg. Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, pertandingan ini adalah penganjuran kali pertama dan berkonsepkan persembahan secara maya melalui Platform *YouTube* dimana peserta akan menghasilkan video berkaitan inovasi mereka untuk dinilai oleh panel-panel juri yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang industri serta akademia.

4. Untuk makluman pihak YBhg. Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, penyertaan bagi kategori sekolah rendah dan menengah adalah secara **PERCUMA** dan tidak melibatkan sebarang kos. Pihak sekolah juga akan diwajibkan menyertakan surat kebenaran sekolah sebagai bukti kelulusan serta ketulenan penyertaan.

5. Memandangkan negara kita kearah pendigitalan serta penggunaan kos secara berhemah, kami melihat pertandingan ini sebagai satu platform bagi guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah untuk meluangkan sedikit masa diluar konteks pembelajaran dan menjana minda kreatif dikalangan masyarakat.

6. Justeru itu, pihak kami ingin memohon kelulusan penganjuran daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri bagi penyertaan guru-guru serta pelajar-pelajar yang berada di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Negeri. Pada masa yang sama, kami juga ingin memohon keizinan mewarwarkan pertandingan ini kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri serta sekolah-sekolah rendah dan menengah di Malaysia.





DIGIT360 SDN BHD 1477803-X

UiTM Startup Company

"Driving Innovation Forwards"

7. Bersama-sama ini disertakan brosur pertandingan dan surat kelulusan penganjuran daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), KPM untuk rujukan pihak YBhg. Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan. Maklumat lanjut penyertaan juga boleh dilayari melalui laman sesawang <https://inex.myappx.my>. Sekiranya pihak YBhg. Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan memerlukan maklumat tambahan boleh diajukan kepada pengarah projek, Ts. Inv. Dr. Mohamad Rahimi Mohamad Rosman di talian 60199891306 atau email contact.digit360@gmail.com.

Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, amatlah kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

MOHAMAD RAHIMI MOHAMAD ROSMAN (TS INV DR)

b/p

Pengarah INEX26



PT 6404, Lot 16449, Tingkat 2, Blok II - Harmoni Square, 17500 Tanah Merah, Kelantan, MALAYSIA.



+60 19989 1306



<https://digit360.com.my>



[digit360hq](#)



[digit360hq](#)



[digit360hq](#)



contact.digit360@gmail.com



hello@digit360.com.my





BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ministry of Education

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: 100-DIGIT360 (INEX. 12/2)

Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld.78 (57)

Tarikh : 7 Mei 2026

Pengarah
Virtual Innovation Competition
Digit 360 Sdn. Bhd.
Blok H - Harmoni Square, Tanah Merah
17500 Kelantan

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID
DALAM PROGRAM *INNOVATION AND ENTREPRENEURSHIP EXPO* (INEX26)
1st EDITION 2026 ANJURAN DIGIT360 SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat/e-mel pihak tuan yang diterima pada 1 Mei 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program tersebut. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu KPM membangunkan serta memperkasa aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian di negara ini.

3. Pihak KPM mengambil maklum dan **tiada halangan** terhadap penganjuran dan pelibatan murid dalam **Program *Innovation and Entrepreneurship Expo* (Inex26) *1st Edition 2026*** yang dijadualkan pada tahun **1 Jun hingga 25 Oktober 2026**. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur **WAJIB** mematuhi perkara-perkara berikut:

- 3.1. pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada jabatan pendidikan negeri yang berkenaan setelah mendapat maklum balas KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- 3.2. mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa seperti di Lampiran A;

- 3.3. surat maklum balas tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4. penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 3.5. penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini, termasuklah menyediakan perlindungan insurans yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan;
- 3.6. murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program yang dirancang/dilaksanakan;
- 3.7. penyertaan murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.8. guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.9. tiada implikasi kewangan kepada KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.10. pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk kos pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Ketua Pendaftar;
- 3.11. program, aktiviti dan mesyuarat yang melibatkan guru hanya dibenarkan dilaksanakan pada hari Sabtu minggu kedua dan minggu keempat sahaja. Tiada sebarang program, aktiviti atau mesyuarat dibenarkan pada hari Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima;
- 3.12. sekiranya program/aktiviti yang menuntut pengiktirafan, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan** (format seperti di Lampiran C) kepada BSKK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**. Walau bagaimanapun, pengiktirafan program akan diberikan tertakluk kepada tarikh tutup perekodan Modul Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu, iaitu pada atau sebelum 30 November 2026;

- 3.13. pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster, gegantung, hebahan digital atau sijil untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.14. penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Permohonan penggunaan logo KPM perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat, KPM beserta dokumen lengkap, selaras Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM yang boleh dirujuk melalui pautan <https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>;
- 3.15. pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) dan memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti;
- 3.16. pihak penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C;
- 3.17. pelibatan murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan kesenian hendaklah mematuhi Kod Sukan Selamat daripada Kementerian Belia dan Sukan;
- 3.18. bagi lawatan daripada pihak luar negara, pihak pelawat/penganjur hendaklah mengemukakan surat kelulusan daripada pihak berautoriti daripada negara tersebut;
- 3.19. pihak penganjur perlu mengemukakan **Surat Akuan Pematuhan Syarat Penganjuran Program** (seperti di Lampiran B) kepada BSKK **dalam tempoh 14 hari** bagi mengesahkan persetujuan untuk mematuhi semua syarat dan peraturan penganjuran yang telah ditetapkan oleh KPM; dan
- 3.20. KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran penganjuran program sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa hadapan.

4. Maklum balas ini hanya sah untuk penganjuran dalam dalam **Program Innovation and Entrepreneurship Expo (INEX26) 1st Edition 2026** yang dijadualkan pada tahun **1 Jun hingga 25 Oktober 2026** oleh **DIGIT360 Sdn. Bhd.** Sebarang permohonan kebenaran penganjuran lanjutan atau program baharu hendaklah dikemukakan secara berasingan kepada Pengarah BSKK.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Unit Kelab dan Persatuan** melalui talian **03-88841017** atau e-mel **azurawati.wzaki@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan

s.k.: 1. Semua Pengarah Bahagian
Sektor Operasi Sekolah

2. Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

LAMPIRAN A

1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
2. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
3. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2005: Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu;
4. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;
5. Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;
6. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016: Peringatan Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu;
7. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
8. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023: Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas;
9. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023; dan
10. Manual Kod Sukan Selamat (Kementerian Belia dan Sukan).

LAPORAN PROGRAM

- 1.0 Nama Program:
- 2.0 Anjuran:
- 3.0 Tarikh (Tempoh Pelaksanaan):
- 4.0 Tempat Pelaksanaan:
- 5.0 Mod Pelaksanaan: (Bersemuka/dalam talian/hibrid)
- 6.0 Peringkat Penyertaan: Kebangsaan/Antarabangsa
- 7.0 Butiran Penyertaan:

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	NEGERI/ NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

8.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:

9.0 Peruntukan / Perbelanjaan: (***)*Jika berkaitan*)

10.0 Tetamu Kehormat (VIP) (*)*Jika berkaitan*): Jawatan rasmi**

**: Peranan (perasmian/penyampaian
hadiah/penutup)**

11.0 Pemenang: (*)*Jika berkaitan***

KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama				
Kedua				
Ketiga				
Keempat				
Kelima				

12.0 Isu dan cabaran:

13.0 Cadangan penambahbaikan:

14.0 Gambar (3 hingga 5 gambar sahaja):

Disediakan Oleh:

Tarikh:

Disediakan oleh:

Tarikh: